

HUBUNGAN PENGHAYATAN AGAMA DAN SOKONGAN SOSIAL TERHADAP TEKANAN DALAM KALANGAN MUALAF DI MELAKA

Siti Aishah Yahya

Kolej Universiti Islam Melaka

Norhasima Abdullah

Kolej Universiti Islam Melaka

Suzyliana Mamat

Kolej Universiti Islam Melaka

Atini Alias

Kolej Universiti Islam Melaka

Nor Azilah Johari

Sekolah Kebangsaan Batu Berendam, Melaka

Corresponding Author's Email: sitiaishah@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan Mualaf di negeri Melaka. Metodologi yang digunakan adalah kuantitatif iaitu tinjauan melalui soal selidik. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan secara rawak dalam kalangan golongan Mualaf dari bangsa Batak, Bidayuh, Cina, Dusun, Filipino, Iban, India, Kadazan, Siam, Sikh di negeri Melaka. Seramai 33 orang yang telah dipilih untuk dijadikan responden. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik Penghayatan Agama (Hatta 1996), tekanan (Dipression, Anxiety, Stress & Skill) dan sokongan sosial (*Multidimensional Skill of Perceived Social Support*). Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 22). Hasil kajian mendapati terdapat hubungan antara penghayatan agama dengan tekanan iaitu nilai $r = -.363$, $k < .05$, tidak terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan tekanan iaitu nilai $r = -.280$, $k > .05$ dan terdapat perbezaan penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan mengikut tempat tinggal dengan menunjukkan nilai t bagi penghayatan agama adalah $t(31) = .151$, $k > .05$, nilai t bagi sokongan sosial adalah $t(31) = .412$, $k > .05$ dan nilai t bagi tekanan pula adalah $t(31) = -.083$, $k > .05$. Kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan agama dan sokongan sosial mempunyai hubungan yang

signifikan tetapi terdapat perbezaan antara penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan berdasarkan tempat tinggal dan memberi impak yang besar dalam memahami penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan kepada semua jabatan kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta semua pihak yang sedang membangunkan golongan Mualaf di Malaysia.

Kata Kunci: Penghayatan Agama, Sokongan Sosial, Tekanan, Mualaf

THE RELATIONSHIP BETWEEN RELIGIOUS APPRECIATION AND SOCIAL SUPPORT TOWARD STRESS AMONG MUALAF IN THE STATE OF MELAKA

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between Religious Appreciation and social support toward stress among Mualaf in the state of Melaka. The methodology used is quantitative, using questionnaires. The sampling method used is random sampling among Mualaf from Batak, Bidayuh, Chinese, Dusun, Filipino, Iban, Indian, Kadazan, Siamese, and Sikh in Melaka. A total of 33 people have been selected as respondents. The instruments are questionnaires of Religious Appreciation questionnaire (Hatta 1996), stress (Dipression, Anxiety, Stress & Skill) and Social Support (Multidimensional Skill of Perceived Social Support). The data were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS Version 22). The results of the study found that there is a relationship between Religious Appreciation with stress that the value of $r = -.363$, $k < .05$, there is no relationship between Social support with stress that is the value of $r = -.280$, $k > .05$ and there are differences in Religious Appreciation, Social Support and stress according to place of residence by showing the t value for Religious Appreciation is $t(31) = .151$, $k > .05$, the t value for Social Support is $t(31) = .412$, $k > .05$ and meanwhile the t value for stress is $t(31) = -.083$, $k > .05$. This study shows that Religious Appreciation and Social Support have a significant relationship, however there are differences between Religious Appreciation, Social Support and stress based on place of residence and have a great impact in understanding Religious Appreciation, Social Support and stress to all government departments and Non-Governmental Organizations (NGOs) as well as all the parties that are developing the Mualaf group in Malaysia.

Keywords: Religious Appreciation, Social Support, Stress, Mualaf

PENGENALAN

Agama merupakan pegangan asas dalam kehidupan manusia. Penghayatan agama bagi seorang yang menganut agama Islam iaitu agama yang berteraskan akidah, ibadah dan akhlak. Hal ini merupakan perkara utama dalam pembentukan

sahsiah seorang muslim. Pengetahuan, penghayatan serta amalan agama yang dilakukan secara konsisten jelasnya amat mempengaruhi dalam konteks cara hidup seharian (Nor Hafizah, Norsalehah, 2017). Kekuatan dan kelemahan sesebuah negara juga berlandaskan kepada golongan muda dan agama merupakan tonggak utama untuk menjamin kesejahteraan dan keamanan untuk kehidupan yang lebih harmoni.

Seseorang yang baru memeluk agama Islam adalah dikenali sebagai mualaf atau saudara baru atau saudara kita. Manakala gelaran saudara muslim pula digunapakai di peringkat kebangsaan (Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018). Menyedari aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu memberikan kesejahteraan hidup dan menjadi benteng kepada generasi muda yang sedang mencari identiti untuk meneruskan kehidupan yang lebih sempurna dan tenang.

Konsep mualaf menurut Islam atau disebut juga sebagai saudara baru atau saudara muslim merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Mereka yang telah dilatih hatinya dengan Islam ini sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memberi kefahaman kepada mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadah asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh taklifan syarak yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka sebaik sahaja mereka melafazkan syahadah. Hal ini mungkin memberikan sedikit impak kepada golongan mualaf dan jika mereka tidak dibimbing dengan baik mungkin boleh menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan mualaf (Irwan. et.all., 2015).

Jumlah mualaf di Malaysia menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang. Pelbagai persepsi yang mungkin bermain dalam pemikiran setiap saudara baru yang baru memeluk agama Islam. Isu yang berlaku mungkin berkaitan dengan sokongan sosial. Sokongan sosial adalah perkara yang penting supaya golongan mualaf dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik dan tenang. Bergelar saudara baharu bukanlah sesuatu perkara yang mudah dan perkara ini tidak seperti mereka yang dilahirkan sebagai seorang Islam. Bagi mereka yang bergelar mualaf pada usia muda, cabaran yang ditempuhi agak berat, lebih-lebih lagi jika masih bergantung kepada keluarga, seperti mereka yang masih di bangku sekolah atau universiti (Utusan Online, 2019).

Pengalaman mualaf dalam proses menghayati agama tersebut memerlukan pendidikan agama sisial kerana sokongan sosial merupakan aspek yang penting untuk memberi sokongan dari segi emosi mualaf. Kajian ini memberi fokus terhadap penghayatan agama serta sokongan sosial terhadap tekanan dalam kehidupan seharian mualaf. Hal ini disebabkan cabaran dalam dan luaran yang dialami mualaf menyebabkan masalah psikologi emosi akan menggugat ketenangan yang harus diperolehi oleh seorang mualaf. Menurut Badaruddin (2005) dalam kajian Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim (2009),

cabaran luaran lebih menjurus kepada perkara yang muncul daripada luar diri saudara baru yang berterusan daripada keluarga, ajakan atau dorongan dari orang lain dan sokongan orang sekeliling dalam penyebaran agama Islam. Menurut (Rambo, 1995: 21) pada dasarnya pertukaran agama asal mereka kepada agama Islam bukan disebabkan oleh suatu sebab peristiwa yang berlaku, melainkan kehidupan yang dialami oleh seseorang itu berbeza-beza yang mendorong untuk memeluk agama Islam. Justeru, adalah sangat penting untuk kita mengetahui perihal berkenaan golongan mualaf dengan kehidupan baru mereka selepas memeluk agama Islam, terutama dari segi sokongan.

PERNYATAAN MASALAH

Antara masalah utama bagi mereka yang baru memeluk Islam adalah untuk memberitahu ahli keluarga tentang pengislaman mereka. Ini kerana kebanyakan keluarga bukan Islam tidak dapat menerima pengislaman ahli keluarga mereka dengan hati terbuka. Keluarga bukan Islam takut kehilangan anak kerana suatu ketika dahulu, mereka yang memeluk Islam tidak dibenarkan tinggal dengan keluarga asal atas sebab masalah fiqah seperti makanan yang tidak halal (Utusan online, 2019).

Permasalahan dan pembangunan kehidupan komuniti mualaf sentiasa berlaku dan sering menimbulkan salah faham daripada kalangan masyarakat Muslim. Pelbagai isu seperti persoalan faktor pemelukan Islam, pertikaian niat suci mualaf memilih Islam sebagai jalan hidup, pertukaran nama asal kepada nama Muslim, perkahwinan dengan etnik Melayu Muslim, mengharapkan wang zakat menghantui mereka yang masih di peringkat awal pemelukan Islam dan mengakibatkan kekeliruan dan kekecewaan (Azarudin & Khadijah, 2014). Hal ini memberi tekanan kepada golongan ini disebabkan oleh pengaruh-pengaruh yang mempengaruhi kualiti kehidupan golongan mualaf khususnya

Fasa yang paling sukar bagi mualaf adalah untuk berkongsi agama baru (Islam) dengan keluarga mereka. Kebanyakan mualaf akan merasa bersalah dan takut ditolak oleh keluarga mereka disebabkan pertukaran agama asal ke agama Islam. Ahli keluarga kemungkinan akan membantah dan malu dengan status pertukaran agama tersebut. Kebanyakan mualaf akan menghadapi masalah dipulau oleh ahli keluarga dan juga pandangan masyarakat Islam itu sendiri yang kurang memberi bantuan dan sokongan terhadap golongan mualaf (Fuadah Johari et. al, 2014).

Ramai mualaf yang tidak boleh meneruskan kehidupan yang baik setelah mereka menganut agama Islam. Kebanyakan mereka kekurangan pendidikan dan penjagaan. Mualaf sangat memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang-orang Islam untuk meningkatkan kepercayaan mereka. Hal ini sangat penting kerana mualaf mengalami kesulitan ini untuk meneruskan kehidupan mereka. Pada awalnya orang-orang Islam akan memberikan sokongan, akan tetapi lamakelamaan mualaf ini tidak mendapat sokongan dari orang sekeliling dan menyebabkan golongan mualaf diketepikan.

Layanan yang tidak berhikmah oleh segelintir masyarakat Muslim mengusik hati kecil muhajir dan ada sebahagian mereka memilih untuk kembali

kepada agama asal. Sebagai contoh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu pada Oktober 2010 telah menengguhkan kes permohonan Mohamad Rajiman Chin dan Mohd Ramzan Manjasaran untuk keluar Islam (Azarudin & Khadijah, 2014). Persepsi masyarakat terhadap golongan mualaf perlu di ubah supaya hak mereka sebagai saudara baru terbela dan memberikan kehidupan yang lebih baik dalam masyarakat majmuk di Malaysia

Selain daripada itu, isu berkaitan dengan mualaf diketengahkan oleh pengkaji disebabkan oleh cabaran yang bakal dilalui oleh mualaf sebagai permulaan dalam kehidupan baru mereka. Perkara ini memberi kecenderungan terhadap emosi dengan cabaran yang dilalui mereka dan mendedahkan dengan keadaan sekeliling yang memberikan tekanan buat golongan mualaf. Faktor penghayatan agama perlu memainkan peranan penting sekiranya terdapat sokongan dan perhatian dari mana-mana pihak untuk member kekuatan psikologi emosi mereka. Dalam kajian Miller Rhodes dan Yahne (1990) menyatakan tekanan yang membawa kepada kemurungan akan memperlihatkan simptom-simptom seperti kurang tidur, pening kepala, kelesuan dan masalah kesihatan.

OBJEKTIF

Berdasarkan permasalahan yang telah dihuraikan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek-aspek strategi daya tindak yang digunakan oleh mualaf apabila berhadapan dengan tekanan. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial dalam kalangan Mualaf.
- ii. Mengenalpasti hubungan antara penghayatan agama terhadap tekanan dalam kalangan Mualaf.
- iii. Terdapat perbezaan penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan berdasarkan tempat tinggal dalam kalangan Mualaf

KAJIAN LEPAS

Golongan mualaf atau lebih dikenali dengan gelaran saudara baru atau saudara Muslim dalam konteks Malaysia adalah sekumpulan individu yang telah menganut agama Islam dengan meninggalkan agama asal mereka. Sebagai individu yang baru mengenali Islam, keperluan kepada proses bimbingan untuk memahami dan mengamalkan ajaran Islam amat diperlukan. Sokongan moral dan psikologi dari masyarakat dan pihak yang berhubung terus dengan mualaf seperti pendakwah dan kaunselor muslim amat diperlukan agar golongan mualaf mempunyai kekuatan jiwa dalam mengharungi cabaran sebagai saudara baru.

Dalam masyarakat majmuk di Malaysia terdapat kepelbagaian etnik yang mempunyai adat, budaya, agama, bangsa dan kaum yang berbeza-beza. Dengan itu tidak hairanlah pergaulan dan interaksi yang berlaku dalam masyarakat membawa kepada percampuran adat dan budaya di negara ini. Begitu juga dengan pegangan agama yang mana berlakunya pertukaran agama dalam kalangan orang bukan Islam. Masyarakat bukan Islam sudah mula mengenal, memahami dan mengkaji tentang Islam, seterusnya memeluk agama Islam

(JAKIM, 2010). Oleh itu, di Malaysia bilangan mualaf yang memeluk agama Islam semakin meningkat pada setiap tahun khususnya di negeri Melaka.

Menurut Azman et. al. (2015). Persatuan Peguam Syarie Malaysia pada tahun 2012 telah mengeluarkan statistik yang menunjukkan peningkatan kadar pemeluk agama Islam seramai 76, 663 orang di antara tahun 2002 sehingga tahun 2009, sekaligus membuktikan penerimaan yang baik terhadap agama Islam daripada golongan bukan Islam. Mereka yang baru memeluk agama Islam ini secara urufnya digelar sebagai mualaf dan mempunyai hak dalam saham zakat. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti had tempoh mualaf yang ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia seterusnya menganalisis dan mengenal pasti indeks pengukuran bagi penentuan had tempoh mualaf yang sesuai diaplikasi di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa tiada keseragaman antara negeri di Malaysia dalam menentukan had tempoh mualaf. Justeru kajian mencadangkan had tempoh sehingga lapan (8) tahun sebagai indeks pengukuran kefahaman, pengukuhan dan kemantapan Islam seseorang mualaf dengan melihat kepada tempoh peralihan seseorang individu itu daripada umur mumayyiz sehingga baligh iaitu satu jangka masa pembelajaran dan pemahaman ilmu agama sebelum ditaklifkan tanggungjawab Islam sepenuhnya ke atas individu tersebut. Penentuan indeks pengukuran had tempoh mualaf di Malaysia penting bagi membezakan mualaf yang benar-benar memahami Islam seterusnya dapat membantu dari sudut keselarasan penyaluran skim bantuan agihan zakat bagi asnaf mualaf.

Di samping itu juga, menurut Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah et.al (2009), keperluan memahami saudara muslim yang bertujuan mengenalpasti tahap psikologi, cabaran psikologi dan pendekatan dakwah Islamiah ke arah kesejahteraan hidup mualaf. Hasil kajian ini yang diperolehi adalah mualaf menghadapi lima tahap psikologi, iaitu tahap tenang, tahap konflik kepercayaan, tahap desakan mencari kebenaran agama, tahap tekanan psikologi dan tahap tenang semula. Cabaran psikologi yang dihadapi oleh mualaf adalah seperti cabaran penghayatan agama, tekanan psikologi dari keluarga, keluarga angkat dan masyarakat serta tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri ke dalam agama baru. Pendekatan dakwah Islamiah boleh menangani cabaran psikologi dalam kalangan mualaf bagi mencapai kesejahteraan hidup iaitu ke tahap *mutma'innah*.

Sarip bin Adul (2014) juga berpendapat daalam kajiannya yang bertajuk Sumber Pengetahuan Beragama dan Tahap Kefahaman Muallaf Di Bahagian Pantai Barat Sabah. Persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah dari manakah mualaf memperoleh pengetahuan mengenai agama Islam dan sejauh manakah kefahaman mereka terhadap beberapa istilah fiqh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sumber mualaf memahami ajaran Islam dan kefahaman mualaf terhadap beberapa istilah fiqh. Kajian ini mendapati masih terdapat mualaf yang belum pernah menghadirkan diri ke mana-mana kelas bimbingan agama secara rasmi. Dapatan kajian juga menunjukkan kefahaman mualaf mengenai istilah fiqh adalah rendah walaupun istilah tersebut masyhur dalam kalangan umat Islam.

Agama mempengaruhi pola pemikiran dan tingkahlaku masyarakat Islam Bidayuh Sarawak, terutamanya dalam aspek interaksi, aplikasi dan perbualan.

Keseluruhan skor dalam objektif kajian ini menunjukkan tahap amalan yang tinggi dan tahap kepercayaan berada pada tahap sederhana dan memuaskan dari sudut perlaksanaan nilai dan ajaran Islam. Malah terdapat beberapa aspek yang perlu dipertingkatkan terutama berhubung dengan ajaran Islam. Implikasi kajian ini penting dalam menyediakan maklumat berhubung dengan amalan Islam dalam kalangan masyarakat Bidayah dan membuka ruang kepada kajian agama terhadap kelompok Muslim lain secara pendekatan kajian yang lebih saintifik khususnya di Sarawak. Selain dari penghayatan agama, golongan mualaf memerlukan sokongan sosial dari pelbagai pihak (Roziyah Chek, and Jaffary Awang, 2017). Ini dibuktikan oleh dalam MyStar Online (2018) mendapati pusat transit untuk golongan mualaf wanita penting sebagai tanda sokongan kepada mereka untuk memulakan kehidupan baharu. Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Wanita Cawangan Taman Permata, Datin Rohani Jamaluddin memberitahu, pusat transit untuk golongan ini memang wujud namun tidak mencukupi untuk menampung jumlah mereka yang baru memeluk Islam. Justeru, Perkim cawangan ini mengambil inisiatif mewujudkan sebuah pusat transit sementara untuk wanita mualaf, sebelum pusat transit kekal yang sedang dalam perancangan dapat ditubuhkan. Kebanyakan mereka yang baru berhijrah dibuang keluarga sendiri dan ada kesukaran memulakan kehidupan baru sebagai orang Islam.

Begitu dengan kajian yang dijalankan oleh Khadijah Mohd Khambali et. al (2017) mengenai saudara muslim dan mualaf yang baru berjinak-jinak dengan agama islam . Sedangkan individu yang digelarkan sedemikian dalam konteks di Malaysia merupakan individu yang telah lama memeluk Islam. Perkara ini mampu mempengaruhi interaksi antara komuniti saudara baru dengan komuniti sosial. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan mualaf memainkan peranan dalam persekitaran sosialisasi di negeri Terengganu. Kajian kualitatif terhadap mualaf telah dilakukan di negeri Kuala Terengganu yang terdiri dari 20 orang sampel kajian bagi mendapat pandangan secara langsung dari responden. Sokongan sosial merupakan satu nilai yang menjadi dasar kepada kehidupan terutamanya golongan mualaf supaya menjalani kehidupan yang adil bersama masyarakat majmuk di Malaysia.

Menurut Marlon P. Guleng et.al (2014) menyatakan dalam kajiannya Terdapat dua bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh golongan mualaf selepas memeluk Islam. Antaranya ialah disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam dan dilabel sebagai masuk Melayu. Keadaan ini akan memberi tekanan kepada mualaf kerana tiada sokongan keluarga. Oleh itu sangat penting golongan mualaf mendapat sokongan sosial dalam masyarakat terutamanya dari pihak-pihak tertentu yang bertanggungjawab bagi memastikan mualaf bukan sahaja terjaga dari segi keperluan fizikalnya tetapi turut mendapat sokongan sosial bagi menguatkan kesejahteraan psikologinya daripada tekanan yang dialami.

Dalam kajian oleh Nabilah Huda Zaim & Zuliza Mohd Kusrin (2014) menyatakan sokongan saudara baru di zaman Rasulullah S.A.W. adalah golongan mualaf atau saudara baru yang memeluk Islam telah mendapat sokongan dan jaminan daripada pemerintah dan masyarakat tidak kira dalam bentuk spiritual atau pun fizikal yang menyumbang kepada pengukuhan dan

pemeliharaan akidah Islam yang baru berputik dalam jiwa saudara baru. Begitu juga dengan sokongan sosial yang diperlukan oleh golongan mualaf supaya mereka sejahtera dalam masyarakat seperti individu-individu yang lain. Hasil kajian yang diperolehi oleh Nor Fadzila Binti Abdul Shukor (1999) yang menunjukkan faktor-faktor individu, keluarga sendiri dan keluarga pasangan, dan masyarakat memberi kesan kepada sebilangan para mualaf. Disamping itu, sokongan, dorongan dan khidmat sokongan yang pelbagai amat besar ertinya bagi mereka untuk melaksanakan ajaran Islam dengan sebaik-baiknya dalam kehidupan.

Berdasarkan kajian Azman et. al. (2015) menyatakan pemeluk Islam dalam kalangan saudara baru di Malaysia dilihat semakin meningkat saban tahun. Perkembangan positif ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya dari sudut kebajikan, sokongan sosial dan peningkatan kefahaman mereka terhadap agama Islam agar mereka tidak kembali kepada agama asal mereka. Ini menunjukkan bagi membantu golongan mualaf perlu dilihat dari semua aspek terutamanya dari segi sokongan sosial yang dapat memberi ketahanan kepada mereka dalam menghadapi tekanan yang hadir dari persekitaran mereka. Nur Ain Sumaiyah Abdullah et.al. (2018) menyatakan dalam kajiannya mualaf mengalami kesukaran dan tekanan untuk meneruskan kehidupan mereka yang membawa kepada kemurungan. Ini disebabkan kebanyakan daripada mereka mendapat tentangan keluarga dan menghadapi kesukaran dalam penerimaan masyarakat terhadap mereka (Tengku Hamzah, T, 2006). Begitu juga Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah et.al (2009) yang menyatakan mualaf mengalami tekanan psikologi yang hebat disebabkan faktor luaran seperti tekanan dari keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan persekitaran telah menjadi penyebab utama kepada tekanan psikologi di kalangan saudara Muslim. Sekiranya dikaji secara menyeluruh, terdapat banyak lagi pengalaman dan tekanan psikologi yang dilalui saudara Muslim di Malaysia ini.

METODOLOGI

Metodologi kajian merupakan bahagian penting yang digunakan untuk memastikan kajian yang dijalankan menggunakan kaedah, prosedur yang sah. Selain itu, metodologi kajian juga digunakan untuk mencapai objektif sesuatu kajian berdasarkan data yang sah dan boleh dipercayai. Reka bentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah kajian berbentuk tinjauan yang telah dirancang dengan menggunakan tiga jenis soal selidik iaitu inventori Penghayatan Agama, *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)* dan Sokongan sosial iaitu *Multidimensional Skill of Perceived Social Support*. Soal selidik ini dipilih untuk mengkaji hubungan di antara penghayatan agama, tekanan dan sokongan sosial dalam kalangan dalam kalangan Mualaf di Malaysia.

Sampel kajian ini merupakan sampel kajian bertujuan terhadap golongan mualaf di Negeri Melaka sahaja. Ini kerana, negeri Melaka mempunyai pelbagai latar belakang agama dan budaya. Maka pengkaji telah memilih Melaka sebagai tempat untuk melakukan kajian. Seramai 33 orang mualaf dari negeri Melaka telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Dari segi instrumen kajian pula, kajian ini menggunakan soal selidik adalah instrumen yang digunakan dalam mengumpulkan data. Terdapat 4 bahagian di dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan D. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan demografi responden seperti jantina, umur, bangsa, tahun memeluk agama Islam, pekerjaan dan tempat tinggal. Manakala bahagian B, soalan yang menguji penghayatan agama responden iaitu inventori Penghayatan Agama (Hatta,1996). Terdapat 62 soalan yang berkaitan dengan penghayatan agama secara intrapersonal dan penghayatan agama interpersonal yang diuji menggunakan 5 skala Likert. Inventori yang ketiga ialah *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)* digunakan untuk mengukur tahap tekanan secara umum dalam kalangan responden. DASS mengandungi 42 item, dan diuji menggunakan skala Likert 4 mata. Terdapat tiga kategori yang diuji iaitu tekanan, anxiety dan kemurungan. Inventori yang keempat ialah inventori Sokongan sosial iaitu *Multidimensional Skill of Perceived Social Support*. Inventori ini telah digunakan oleh Zimet Gregory (2016) dan terdapat 20 item yang telah dipilih daripada soal selidik ini. Soalan yang diajukan berkait dengan tahap sokongan antara individu dan keluarga serta menggunakan 3 skala Likert.

Di samping itu, kaedah analisis data pula, data yang telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan perincian *Statistik Package for Social Science (SPSS)* versi 22. Kaedah yang akan digunakan adalah korelasi Pearson untuk melihat hubungan antara penghayatan agama dan sokongan sosial, ujian-t untuk melihat perbezaan penghayatan agama berdasarkan jantina manakala Anova sehala digunakan untuk melihat perbezaan penghayatan agama berdasarkan umur. Analisis statistik deskriptif yang dilakukan ialah peratusan dan kekerapan bagi mengukur taburan demografi, serta skor min dan sisihan piawai bagi menguji alat ujian. Manakala, analisis statistik inferensi yang akan dilakukan ialah Ujian t dan Anova untuk mengukur objektif kajian yang telah dibentuk, serta kebolehpercayaan bagi menguji nilai kebolehpercayaan alat ujian yang digunakan.

ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN

Keputusan kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi yang dibincangkan ini merangkumi bahagian demografi responden, sokongan sosial dan tekanan.

Analisis Deskriptif

Dalam kajian ini, seramai 33 orang muallaf yang terlibat. Majoriti responden yang terlibat adalah perempuan iaitu seramai 30 orang (90%) manakala responden lelaki seramai 3 orang (9.1%) sahaja. Mengikut bangsa pula, majoriti responden dalam kajian ini adalah berbangsa Cina iaitu seramai 13 orang atau 39.4 peratus. Manakala responden berbangsa India dan Iban masing-masing 5 orang atau 15.2 peratus. Diikuti bangsa-bangsa lain dua orang (6.1%) dan seorang responden (3.0%) sahaja.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi		Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	3	9.1
	Perempuan	30	90.0
Tempat Tinggal	Bandar	23	69.7
	Luar Bandar	10	30.3
Bangsa	Batak	2	6.1
	Bidayuh	1	3.0
	Cina	13	39.4
	Dusun	2	6.1
	Filipino	1	3.0
	Iban	5	15.2
	India	5	15.2
	Kadazan	2	6.1
	Siam	1	3.0
Sikh	1	3.0	
Umur	20- 30 tahun	3	9.1
	31 – 40 tahun	2	6.1
	41 – 50 tahun	9	27.3
	51 – 60 tahun	6	18.2
	61 tahun ke atas	13	39.3
JUMLAH		33	100

Tempat tinggal responden terdiri daripada bandar dan luar bandar. Kebanyakan tempat tinggal responden adalah bandar iaitu seramai 23 orang atau 69.7% manakala hanya 10 orang responden sahaja yang tinggal di luar bandar atau 30.3%. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada responden yang berumur 22 tahun sehingga 73 tahun. Majoriti responden adalah yang berumur 61 tahun ke atas iaitu seramai 13 orang atau 39.3 %.

Tidak terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji dan memfokuskan kepada latar belakang golongan Mualaf. Namun terdapat hasil daripada “Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” mendapati pecahan peratusan Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2002 di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu bangsa Cina merupakan pemeluk agama Islam yang terbanyak iaitu 28 % dikuti oleh masyarakat pribumi Sabah Sarawak sebanyak 24%kemudian bangsa India 22%, Eropah, Filipina dan lain-lain bangsa sebanyak 5%, Punjabi 3%, Jepun dan Thailand 2% , bangsa Serani dan Asli sebanyak 1%. Daripada keseluruhan data-data yang dikutip berkenaan pemelukkan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2002 hingga tahun 2007 menunjukkan bangsa Cina yang diikuti oleh masyarakat Sabah dan Sarawak merupakan bangsa teramai 119

memeluk agama Islam, dan diikuti pula oleh bangsa India. Manakala dari aspek agama, didapati mereka yang berasal daripada penganut Kristian adalah paling tinggi menukar agama dari agama asal mereka ke agama Islam serta diikuti oleh penganut agama Buddha dan seterusnya penganut agama Hindu. Apa yang dapat diperhatikan daripada data-data ini ialah pemelukan penganut-penganut agama lain ke dalam agama Islam di sepanjang tahun 2002 hingga 2007 adalah di antara yang paling tinggi iaitu 851 orang dan yang paling rendah ialah 314 orang. Ini menjelaskan bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat ramai masyarakat bukan Islam telah mendaftarkan diri sebagai pemeluk agama Islam yang baru. Walaubagaimanapun data ini tidak mengambil kira para Saudara Baru yang tidak mendaftar secara rasmi.

Analisis Inferensi

Hipotesis 1: Terdapat hubungan antara penghayatan agama dengan tekanan

Jadual 2: Korelasi antara penghayatan agama dengan tekanan

	Tekanan (r)
Penghayatan agama	-.363*

* $k < .05$

Jadual 2 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan tekanan dalam kalangan muallaf iaitu nilai $r = -.363$, $k < .05$. Oleh itu, hipotesis kajian ini diterima. Walaubagaimanapun, hubungan antara penghayatan agama dengan tekanan adalah lemah. Analisis juga mendapati hubungan penghayatan agama dengan tekanan adalah berhubungan negatif iaitu semakin tinggi penghayatan agama, semakin rendah tekanan.

Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang faktor-faktor penghalang yang menyebabkan tekanan dalam kalangan Muallaf ketika dalam menghayati pengamalan agama Islam. Ini dibuktikan kajian Suariza et al, (2018) desakan dari ahli keluarga, masyarakat, jiran tetangga untuk kembali kepada agama asal menyebabkan saudara baru berasa imbang jika tidak mematuhi perintah ahli keluarga kerana segelintir saudara baru masih lagi di bawah tanggungan kedua ibubapa. Saudara baru memerlukan bantuan dari ahli keluarga untuk meneruskan kehidupan dari segi kewangan dan menyebabkan saudara baru kembali kepada agama asal mereka. Tambahan pula, saudara baru bersetuju bahawa mereka tidak mendapat sokongan moral yang penuh daripada ahli keluarga malahan dihalau oleh keluarga asal dan diperli oleh keluarga mertua yang berasal dari keluarga muslim (Azman Ab Rahman et al., 2015).

Sementara itu, menurut Tengku Norhayati (2006) sesetengah masyarakat melayu mempunyai kekurangan fahaman yang berkaitan dengan perbezaan amalan melayu dan agama Islam serta menyebabkan berlaku salah faham diantara penganut beragama Islam dan bukan beragama Islam. Rentetan itu, masyarakat melayu memberi pandangan negatif kepada saudara kita yang tidak mengamalkan adat dan budaya seperti masyarakat melayu agar mereka senang

diterima masyarakat. Maka jika saudara baru tidak mengamalkan kehidupan seperti masyarakat melayu, mereka akana dipandang sebagai golongan Islam kelas kedua (Abdul Ghani, 2013).

Hipotesis 2: Terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan tekanan.

Jadual 3: Korelasi antara sokongan sosial dengan tekanan

	Tekanan (r)
Sokongan sosial	-.280

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tekanan iaitu nilai $r = -.280$, $k > .05$. Maka, hipotesis ditolak. Ini menunjukkan bahawa sokongan sosial tidak mempengaruhi tekanan dalam kalangan muallaf tersebut.

Menurut Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Abd Rahman (2020) sokongan sosial adalah satu keperluan bagi memperkasakan saudara baru. Hal ini kerana sokongan sosial boleh membantu dalam menangani masalah saudara baru yang memerlukan bantuan dan dorongan selepas memeluk agama Islam. Hubungan yang baik dari orang sekeliling untuk mereka terus kuat dalam menghadapi dugaan dan cabaran. Sokongan sosial berkait rapat dengan pengertian kehidupan seharian seseorang individu. Dengan erti kata lain, seseorang itu mempunyai makna hidup yang lebih baik sekiranya menerima sokongan sosial dari masyarakat sekeliling. (Marianne G. Dunn & Karen M O’Bien, 2009).

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan mengikut tempat tinggal.

Jadual 4: Perbezaan Penerimaan Kendiri Mengikut Tempat Tinggal

	Jantina	N	Min	dk	T	P
Penghayatan agama	Bandar	23	244.61	31	.151	.881
	Luar bandar	10	243.80			
Sokongan sosial	Bandar	23	51.43	31	.412	.683
	Luar bandar	10	50.00			
Tekanan	Bandar	23	5.48	31	-.083	.935
	Luar bandar	10	5.60			

Merujuk kepada Jadual 4 menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah bebas tidak mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut tempat tinggal responden. Nilai t bagi penghayatan agama adalah $t(31) = .151$, $k > .05$ manakala nilai t bagi sokongan sosial adalah $t(31) = .412$, $k > .05$. Nilai t bagi tekanan pula adalah $t(31) = -.083$, $k > .05$. Nilai min antara bandar dan luar bandar juga tidak

mempunyai perbezaan yang ketara antara ketiga-tiga pembolehubah tersebut. Oleh itu, hipotesis ditolak.

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan tekanan dalam kalangan mualaf iaitu nilai $r = -.363$, $k < .05$. Ini menunjukkan semakin tinggi penghayatan agama Islam dalam diri mualaf, semakin rendah tekanan yang dihadapi. Menurut Nur A'thiroh Masyaa'il dan Fariza (2009), individu yang mengenali Islam sebelum memeluk Islam lebih mudah memahami ajaran Islam berbanding individu yang memeluk Islam terlebih dahulu kemudian baru mengenal Islam. Menurut pengkaji lagi, individu yang baru memeluk Islam dan mengenal Islam akan mengalami kesamaran, ketidakyakinan dan kekeliruan terhadap agama dan diri sendiri. Pendidikan dan bimbingan agama sangat penting kepada saudara baru kerana hasil dari pembelajaran tentang agama Islam akan lebih memudahkan saudara baru menghayati ajaran agama Islam tanpa rasa ragu-ragu. Perpindahan dari pendidikan teori kepada latihan praktikal agama perlu dilakukan untuk memudahkan mereka pada masa akan datang. Pendidikan dan kelas bimbingan agama boleh didapati dari kelaskelas yang disediakan oleh pihak MAIN atau JAIN atau NGO. Kaedah pengajaran dan isi kandungan kelas perlulah bersesuaian dengan tahap kefahaman saudara baru sebagai seorang yang baru berjinak-jinak untuk belajar tentang Islam.

Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tekanan iaitu nilai $r = -.280$, $k > .05$. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Tengku Hamzah (2006) yang mendapati bahawa majoriti mualaf yang memeluk Islam akan menghadapi permasalahan dalam penerimaan keluarga. Abdullah (2013) juga mendapati bahawa sokongan sosial keluarga memberi kesan terhadap tekanan.

Di samping itu juga, sokongan sosial dari sudut peruntukan bantuan kebajikan kepada golongan Mualaf merupakan perkara yang sangat penting. Peruntukan bantuan kebajikan terhadap saudara baru sebagai tanda galakan dan dorongan untuk meningkatkan ketaatan dan komitmen golongan ini kepada agama Islam. Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan ini turut merupakan satu usaha sokongan bagi melembutkan hati mereka untuk terus menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim (Mariam Abdul Majid, 2011).

Golongan Mualaf juga memerlukan sokongan sosial ditempat kerja yang melibatkan majikan, kawan-kawan sekerja dan masyarakat sekeliling. Dalam kajian Nur Najwa Hanani & Razaleight (2016) bertajuk tahap kepuasan kerja saudara kita selepas memeluk Islam di johor menyatakan bahawa perkembangandakwah dapat menyakinkan golongan saudara baru yang mula untuk berjinak-jinak mengenal Islam dan bukan Islam bahawa kepuasan bekerja dari sudut motivasi dan persekitaran kerja boleh menjadi positif walaupun setelah memeluk Islam. Tambahan pula hasil kajian yang diperolehi menunjukkan majikan, rakan sekerja dan organisasi sangat membantu dalam memainkan peranan untuk membantu saudara baru mendapatkan keselesaan di tempat kerja. Di samping itu, saudara baru dapat mempelajari tentang nilai-nilai dan etika bekerja menurut pandangan Islam dan bertanggungjawab dengan tugas dan kerjaya yang diterima. Seajar dengan itu, saudara baru dapat diyakinkan bahawa

kepuasan bekerja masih boleh didapati walaupun setelah memeluk Islam dan memperoleh kerja yang bersesuaian dengan diri mereka sebagai seorang Islam.

Oleh itu, hasil kajian ini mendapati golongan wanita ramai memeluk agama Islam yang sebahagian besarnya tinggal di Bandar dari umur 20 hingga 61 tahun. Sebilangan besar bangsa yang memeluk agama Islam dari bangsa Cina seramai 13 orang, diikuti bangsa Iban, India, Batak, Dusun, Kadazan, Bidayuh, Siam dan Sikh. Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan penghayatan agama dan tekanan, tidak terdapat hubungan sokongan sosial dan tekanan. Selain itu, kajian ini menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah bebas tidak mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut tempat tinggal responden. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan tekanan dalam kalangan mualaf. Ini menunjukkan semakin tinggi penghayatan agama Islam dalam diri mualaf, semakin rendah tekanan yang dihadapi.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan berkaitan penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan, hasil kajian ini dapat memberikan beberapa cadangan terutamanya kepada semua yang terlibat dalam membangunkan golongan mualaf di Malaysia iaitu:

i. Penggunaan Soal Selidik

Menggunakan tiga soal selidik yang telah dijalankan dalam kajian ini secara berkesan iaitu soal selidik penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan dalam mencari penyelesaian masalah dan merungkai isu-isu yang berkaitan dengan golongan mualaf.

ii. Memahami Psikologikal Mualaf

Berdasarkan kajian ini juga, dapatan kajian dapat menunjukkan hasil kajian bahawa golongan mualaf di ambil berat dan peduli berkaitan segala hal dalam memahami psikologikal golongan mualaf seperti tahap penghayatan agama, sokongan sosial dan tekanan yang melibatkan emosi dan perasaan golongan ini ketika mereka masih dalam proses memahami lebih mendalam tentang segala perkara dalam Islam.

iii. Menjaga Kebajikan

Semua pihak perlu mengambil langkah yang series dalam menjaga dan memantau golongan mualaf dengan sebaiknya supaya mereka tidak kembali kepada agama asal. Contohnya menjaga kebajikan bukan sahaja dari sudut kewangan tetapi perlu melihat kepada keperluan golongan ini untuk terus berdikari menyara hidup mereka seperti kemahiran asas yang komtemporari untuk bekerja seperti menyediakan Kursus Menjahit, Komputer, Membaiki Penghawa Dingin, Perniagaan dalam *Online* dan kemahiran-kemahiran untuk meningkatkan *self-esteem* yang tinggi supaya mereka mempunyai semangat yakin diri yang kuat dalam menghadapi pelbagai dugaan dalam kehidupan.

iv. Kesihatan Rohani Dan Jasmani

Golongan ini juga diberikan kemahiran dan ilmu-ilmu kesihatan rohani dan jasmani. Malahan ilmu berkaitan kesihatan mental juga perlu dititik beratkan supaya golongan ini dapat menjaga dalaman dan luaran dengan baik dan seterusnya dapat menguruskan emosi, perasaan, dan tingkahlaku dalam memastikan kesihatan mental mereka sentiasa dapat dikawal dengan berkesan.

Oleh itu, kesimpulan dalam kajian ini adalah golongan mualaf perlu diberikan didikan agama yang berkesan supaya mereka dapat menghayati agama Islam yang lebih mendalam. Sokongan sosial perlu diteliti semula supaya golongan ini tidak merasakan mereka keseorangan ketika memeluk agama Islam dan pendekatan psikologikal yang lebih mendalam bagi mengatasi tekanan-tekanan yang dihadapi bagi golongan mualaf ini. Selain itu, semua pihak juga perlu melihat semula undang-undang dan mengkaji semula keperluan-keperluan yang kontemporari iaitu selari dengan keperluan semasa golongan ini untuk meneruskan kehidupan sebagai muslim yang semestinya perlu seimbang segala keperluan diri dari sudut rohani dan jasmani supaya dapat berdaya saing dari segala sudut dengan golongan yang lain.

RUJUKAN

- Azman, A.R2, Irwan, M.S3, Mahazan, A.M4, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R5, Nuradli Ridzwan Shah, M.D6, Rose Irnawaty, Ibrahim7, Norlina Ismail8. (2015). Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf: Satu Analisis Kontemporari Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol 6. <https://www.researchgate.net/publication/305495622>
- Azman Abdul Rahman, Muh.Irwan, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah, Rose Irnawaty Ibrahim & Norlina Ismail. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6: 144.
- Abdul Ghani Abdullah. (2013). Permasalahan Saudara Baru dan Penyelesaiannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Doctoral dissertation*. Universiti Malaya.
- Aimi Wafa Ahmadi, Nur Najwa Hanani Abd Rahman (2020). Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerkasaan Saudara Baru. *Jurnal Pengajian Islam* ISSN: 1823 7126 E-ISSN: 0127-8002 2020, Vol. 13, No. 2 (November), Halaman 238-253
- Abdullah, A. (2013). Permasalahan Saudara Baru dan Penyelesaian Di Wilayah Persekutuan *Dissertation thesis Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya
- Abdullah, N. (2009). *Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim*. (2), 83-97.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2014) "Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non Muslim Selepas Pemelukan Agama:

- Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu". *Jurnal Kemanusiaan* 23:1- 17
- Beaufort I, N, De Weert-Van Oene G, H, Buwalda V, A, J, de Leeuw J, R, J, Goudriaan A, E: The Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS-21) as a Screener for Depression in Substance Use Disorder Inpatients: *A Pilot Study*. *Eur Addict Res* 2017;23:260-268. doi: 10.1159/000485182
- Creswelll, J.W. (2002). *Education Research Planning Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. New Jersey : Pearson Merril Pretince Hall
- Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd Faisol Ibrahim, Ahmad Fahmi Mohd Ali. Zakat Distribution and Programme for Sustaining Muallaf Belief and Thought. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 66:1 (2014), 35–43
- Irwan, M.S, Azman, A.R, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim , Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Anuar Musaddad & Norlina Ismail. (2015). *Jurnal Infad* vol 6 - 2015.
- Johari Yap (2019) . <https://www.sinarharian.com.my/article/28842/KOLUMNIS/ Tekanan-perasaan-golongan-mualaf>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010). *Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru*. Selangor: Shah Alam.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli & Khairul Nizam Mat Karim (2017) Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. *Jurnal Akademika* 2017:63-76
- Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Marianne G. Dunn & Karen M. O'Brien. (2009). Psychological Health And Meaning In Life: Stress, Social Support And Religious Coping In Latina/Latino Immigrants. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences* 31 (2) : 204-227.
- Miller, W. R., Yahne, C. E., & Rhodes, J. M. (1990). *Adjustment: The Psychology Of Change*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-hall, Inc.
- Marlon P. Guleng , Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad (2014). Penyesuaian Diri Muallaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (Idip). *Jurnal Al-Hikmah* 6:78-93. <https://Www.Researchgate.Net/Publication/301822288>
- Noor Hafizah bt. Mohd Haridi & Norsaleha bt. Mohd Salleh (2017). Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jkm). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue . e-ISSN: 2289-8042
- Nabilah Huda Zaim & Zuliza Mohd Kusrin (2014). Sokongan Terhadap Saudara Baru Menurut Syarak. Prosiding Kolokium Siswazah Syariah Peringkat

- Kebangsaan 2014, ms 96. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Nor Fadzila Binti Abdul Shukor (1999). *Permasalahan Di Kalangan Mualaf dan Khidmat Sokongan Oleh Perkim Negeri Perak*. Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Nur Ain Sumaiyah Abdullah @ Sumitra A/P Valaitham & Noor Aishah Rosli (2018). Kemurungan Dalam Kalangan Mualaf Di Pusat Pengajian Perkim Wilayah Persekutuan. *Malaysian Online Journal Of Counseling*. m/s 52. [Http://Mjs.Um.Edu.My/Index.Php/Mojc/Article/View/10778](http://Mjs.Um.Edu.My/Index.Php/Mojc/Article/View/10778)
- Nur A‘Thiroh Masyaa’il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* Bil. 2 (2009) 83-97. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roziyah Chek, and Jaffary Awang, (2017) Penghayatan agama Islam dalam kalangan Bidayuh Muslim Sarawak. *Al-Hikmah*, 9 (1). pp. 60-79. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Official URL: <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah>.
- Sarip bin Adul. (2014). Sumber Pengetahuan Beragama Dan Tahap Kefahaman Muallaf Di Bahagian Pantai Barat Sabah. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Mualaf Di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol. 16 (Special Edition) Dis. 2018: 133-155
- Rambo, Lewis. (1995). *Understanding Religious Conversion*. New Haven: Yale University Press.
- Tengku Hamzah, T. (2006) Saudara baru di Kelantan: Suatu kajian mengenai dorongan dan cabaran di Kota Bharu Kelantan Dissertation (M. Usuluddin) -- Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zimet, Gregory. (2016). Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) - Scale Items and Scoring Information. The MSPSS is a 12-item scale designed to measure perceived social support from three sources: Family, Friends, a Significant Other.